



اَوْنُوْرَسِيْتِي تِيْكَوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Pengurusan
dan Perniagaan

FBM

Newspaper highlight 2021

July



3 July 2021

Usahawan Bumiputera perlu berani lakukan transformasi



Pensyarah Kanan di Jabatan Ekonomi dan Pengajian Kewangan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam

Oleh Dr Zahariah Sahudin
bhrencana@bh.com.my

Pemilikan ekuiti korporat Bumiputera berada pada paras membimbangkan iaitu kurang daripada 30 peratus jika dibandingkan kaum lain.

Nilai peratusannya terendah dalam sejarah negara iaitu 16.2 peratus pada 2020, berbanding 23 peratus pada 2011 dan 19.3 peratus pada 1990.

Pandemik COVID-19 mengubah keadaan ekonomi negara dan menyebabkan penderitaan serta kehilangan nyawa manusia secara besar-besaran.

Ia juga mengakibatkan gangguan fizikal dan mental yang mendalam dan memberi impak besar terhadap perniagaan terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Prestasi PKS, sememangnya rendah, gagal mencapai sasaran ditetapkan kerajaan terutamanya dalam menyumbang kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK), guna tenaga serta eksport negara.

PKS sangat terkesan serta mengalami kerugian dalam perniagaan dan pemberhentian pekerja kerana perlu mengurangkan atau menutup sementara aktiviti perniagaan mereka.

Lebih parah, sebahagian usahawan PKS terpaksa menutup kekal perniagaan akibat kerugian teruk.

Antara sebab ekuiti Bumiputera belum mencapai sasaran adalah penyertaan dalam pekerjaan mahir dan profesional masih rendah.

Seperti kita maklum, Bumiputera kebanyakannya tergolong kelompok termiskin, rentan, B40 dan M40, PKS serta usahawan mikro. Ini menyebabkan berlakunya kekurangan pemilikan aset oleh kumpulan berkenaan.

Faktor seperti kurang daya saing, daya tahan, kemahiran keusahawanan, kerjasama dan rangkaian, gagal menguasai rantalan perniagaan, sikap prejudis terhadap usahawan berjaya, persatuan perniagaan yang kurang berkesan dan sikap negatif terhadap kegagalan juga membantutkan kejayaan usahawan Bumiputera.

Kedudukan kewangan Bumiputera yang kurang kukuh juga menghalang pemilikan aset dan pembiayaan dalam keusahawanan. Masalah kekurangan pembiayaan, produktiviti rendah dan kekangan akses kepada teknologi menyebabkan mereka takut mengambil risiko dan terlalu bergantung bantuan kerajaan.

Ini juga halangan yang menyumbang permasalahan ini. Menyedari masalah dihadapi Bumiputera ini, kerajaan melakukan penambahbaikan terhadap pelaburan ekuiti ini.

Beberapa strategi diambil demi menggalakkan Bumiputera memperbaiki kedudukan pegangan ekuiti mereka. Antaranya menubuhkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

Ia rangka tindakan kerajaan untuk tempoh 2021 hingga 2030, dengan hasrat meningkatkan pendapatan semua kumpulan etnik terdiri golongan B40, miskin tegar, miskin ekonomi, Bumiputera Orang Asli, Sabah dan Sarawak, orang kurang upaya (OKU), belia, wanita, kanak-kanak dan warga emas.

Kerajaan juga mewujudkan Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB) sebagai langkah proaktif dalam kerangka mempercepatkan pemerkesaan ekonomi Bumiputera.

Majlis ini juga mewujudkan ekosistem di mana Bumiputera mempunyai peluang saksama dalam bidang ekonomi. Selain itu, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) cuba meningkatkan bilangan pengu-

saha francais melalui kepakarannya dalam menyediakan perkhidmatan dan produk yang berkualiti.

Ekuiti Nasional Bhd (EKUINAS) pula syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian yang berkaitan kerajaan dan banyak menyalurkan keuntungannya untuk manfaat pemegang unit Bumiputera dalam dana amanah yang diuruskan Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Agihan ini disalurkan melalui PNB kerana rangkaian pemegang unit amanah Bumiputera yang luas, selari objektif EKUINAS untuk meningkatkan kekayaan Bumiputera secara berkesan.

Selain itu, badan kerajaan lain yang turut memainkan peranan penting dalam membantu supaya impian kerajaan tercapai ialah Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Sejak MARA ditubuhkan, sejumlah wang yang besar dibelanjakan untuk pembangunan dan meningkatkan ekonomi Bumiputera. MARA juga membantu usahawan dengan kemudahan pembiayaan perniagaan.

Sudah sampai masanya, Bumiputera diberikan lonjakan berganda menerusi pembentukan budaya

keusahawanan dan menceburi industri yang strategik dan berimpak tinggi, berpotensi serta mempunyai nilai tambah tinggi.

Meskipun pelbagai kejayaan dicapai Bumiputera di Malaysia, masih banyak perkara perlu diperbaiki dan ditambah baik. Walaupun negara kini menghadapi saat getir dan mencabar, ada antara usahawan muncul dengan pelbagai kreativiti, inovasi dan improvisasi hebat melalui perdagangan dalam talian.

Media sosial membuka peluang untuk aktiviti promosi dan menjual produk mereka kepada pelanggan dengan menggunakan kaedah dalam talian.

Dek kerana kebimbangan akan jangkitan COVID-19 oleh pelanggan untuk keluar ke premis perniagaan, pembelian secara dalam talian adalah cara terbaik.

Bagi usahawan Bumiputera pula, ini adalah peluang untuk mempromosikan jenama mereka.

Penggunaan media sosial sebagai platform komunikasi dalam menghidupkan semula perniagaan mereka pada masa pasca COVID-19 ini sangat membantu untuk membina kembali empayar mereka yang hampir musnah.

Tuntasnya, perubahan sikap individu daripada suka bergantung kepada berdikari, etika kerja positif, motivasi diri, mencari pengetahuan dan kemahiran baharu atau meningkatkan kemahiran sedia ada.

Secara tidak langsung pendekatan ini dapat mentransformasi sikap dan jati diri individu menjadi seorang yang berkebolehan dan yakin terhadap diri sendiri, seterusnya mampu menjadikan PKS memiliki kelebihan daya saing untuk mengharungi cabaran dalam pasaran sengit dan tidak menentu.

Bumiputera mestilah berani menceburi bidang ekuiti dan seterusnya memperkasakan diri mereka dengan ilmu, strategi dan kemahiran.

Sasarannya, supaya mereka boleh menjadi lebih radikal dan memiliki 'lompatan' untuk mengubah landskap daripada suatu kuantum kepada kuantum lain, sekali gus meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera.

“Masalah kekurangan pembiayaan, produktiviti rendah dan kekangan akses kepada teknologi menyebabkan mereka takut mengambil risiko dan terlalu bergantung bantuan kerajaan”



Bumiputera perlu diberi lonjakan berganda menerusi pembentukan budaya keusahawanan dan menceburi industri yang strategik dan berimpak tinggi, berpotensi serta mempunyai nilai tambah tinggi.

3 July 2021

Pujuk warga emas terima vaksinasi

Dr Mohd Rahim Khamis,
Ketua Unit
Penyelidikan dan
Pengurusan
Maklumat, Institut
Pemikiran dan
Kepimpinan
Melayu (IMPAK),
Universiti
Teknologi MARA
(UiTM)

Fasa kedua dalam Program Imunisasi CO-VID-19 Kebangsaan (PICK) menjadi sedikit sukar kerana membabitkan golongan warga emas. Ada dalam kalangan golongan ini agak sukar menerima vaksinasi memandangkan pelbagai maklumat mempengaruhi mereka.

Hal ini seharusnya diberi perhatian dalam proses vaksinasi kerana mereka golongan berisiko. Individu paling sesuai dalam memastikan golongan ini mendapat vaksin adalah anak mereka sendiri. Oleh itu, anak perlu berperanan untuk memastikan golongan terbabit menerima untuk divaksin.

Apa boleh dilakukan anak adalah dengan membuat pendaftaran ibu bapa mereka melalui aplikasi MySejahtera. Pemakluman dan persetujuan daripada mereka terlebih dahulu adalah penting bagi mengelakkan sebarang masalah.

Peranan anak dalam proses pendaftaran ini penting kerana mungkin ada antara ibu bapa tidak mahir menggunakan aplikasi terkini. Apabila mereka merasakan ia sebagai kekangan, akhirnya tiada pendaftaran bagi janji temu vaksin dapat dilakukan.

Tidak dinafikan ada dalam kalangan warga emas yang berat hati atau dalam kata lain menolak untuk didaftarkan bagi mendapatkan vaksin apabila anak memohon persetujuan untuk dibuat pendaftaran.

Mereka mungkin sudah dipengaruhi pelbagai maklumat salah yang disebarkan menerusi pelba-

bicara keras dalam pujukan kerana ini mungkin akan membuatkan ibu bapa sukar untuk menerima hingga

akhirnya tiada satu kesepakatan dicapai.

Oleh itu, dalam menjayakan PICK yang bertujuan untuk mencapai peratusan diperlukan dalam imuniti kelompok seperti dikehendaki kerajaan, pelbagai pihak perlu menggerakkan peranan masing-masing.

Kerajaan sudah menyalurkan pelbagai maklumat untuk mengajak masyarakat turut serta dalam program ini. Dalam menyahut seruan itu, kita perlu mengambil tanggungjawab dalam memastikan kehidupan kembali seperti sedia kala.

Gerakan peranan sebagai masyarakat prihatin dan sama-samalah kita berganding bahu dalam membanteras pandemik COVID-19.

gai medium. Oleh itu, bagi menangani senario sebegini, anak perlu melaksanakan peranan dalam menyalurkan maklumat tepat agar mereka memahami kebaikan apabila divaksin.

Di samping itu, inilah masanya untuk anak menggunakan kepakaran dalam proses memujuk. Ini penting kerana ada kalanya pujukan anak sedikit sebanyak akan mempengaruhi keputusan yang akan dibuat.

Gunakanlah budi bicara berkesan dalam proses pujukan. Elakkan menggunakan proses ugutan dan budi

5 July 2021

Bantu wanita berkerjaya harungi pandemik

**Dr Chuah Soo Cheng
dan Dr Zarinan
Denan**

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan, Universiti
Teknologi MARA (UiTM)
Kampus Puncak Alam

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) membolehkan pekerja melaksanakan tugas dipertanggungjawabkan majikan, walaupun jauh dari tempat kerja.

Walaupun ia memudahkan, wanita berkerjaya menghadapi perubahan dan konflik dalam kerjaya apabila kaedah bekerja dari rumah mula diperkenalkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Cabaran dihadapi tentunya untuk mencapai keseimbangan antara tuntutan kerja dengan tanggungjawab rumah tangga memandangkan kedua-dua terpaksa digalas serentak.

Mereka harus memainkan peranan sebagai ibu, pekerja, pengasuh dan guru sewaktu bekerja dari rumah.

Ketika tempoh sekatan pergerakan, perkhid-

matan penjagaan anak dan sokongan lain tidak tersedia. Ini meningkatkan tekanan wanita dan mempengaruhi produktiviti kerja.

Keadaan pandemik memberi tekanan mendalam kepada wanita berkerjaya kerana perlu menghadapi cabaran urusan rumah tangga dan tempat kerja.

Urusan rumah tangga yang tidak dibantu sesiapa menyebabkan mereka keletihan secara fizikal dan mental. Tekanan dihadapi perlu diambil serius kerana ia boleh menyebabkan emosi tidak stabil.

Kajian di United Kingdom (UK) mendedahkan ibu bekerja mengalami tekanan 40 peratus lebih tinggi berbanding orang biasa.

Artikel terbitan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) pada April 2020 bertajuk *Pengeluaran Isi Rumah, Ketidakseimbangan Gender dan Perintah Kawalan Pergerakan*

menunjukkan tugas rumah tangga bagi wanita bertambah dan lebih intensif berbanding lelaki semasa kuarantin.

Demi mencapai keseimbangan, langkah lebih proaktif perlu diambil untuk menyokong dan memperkasakan peranan ibu bekerja.

Sokongan, kerjasama dan kesefahaman suami, ahli keluarga, pihak atasan dan rakan sekerja penting untuk itu.

Majikan perlu memahami keadaan dan cabaran dihadapi wanita berkerjaya apabila bekerja dari rumah.

Sikap toleransi dan kesefahaman perlu dicapai supaya wanita berkerjaya dapat bekerja lebih gembira dan bersemangat membantu syarikat mencapai objektifnya.

Pertumbuhan ekonomi negara tidak boleh dilihat dari segi kuantitatif sahaja, bahkan dari segi kehidupan rakyat berkualiti.

14 July 2021

PPV bergerak percepat capaian imunisasi

Oleh Prof Madya Dr Siti Noorsuriani Maon dan Dr Emi Normalina Omar
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)

Pembukaan lebih banyak Pusat Pemberian Vaksin (PPV) antara usaha digerakkan kerajaan untuk kapasiti Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Ini untuk memastikan vaksin dapat diberikan kepada lebih ramai penerima sejajar aspirasi kerajaan untuk mencapai imuniti kelompok.

Berpandukan sumber data kajian Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), sejumlah 28,143 Orang Asli atau 45.5 peratus bersetuju menerima vaksin COVID-19.

Jumlah ini berdasarkan borang daftar vaksin diberi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Jumlah ini akan berkurangan jika kita mengharapkan masyarakat luar bandar seperti Orang Asli untuk datang sendiri secara sukarela ke PPV berhampiran.

Dengan wujudnya PPV bergerak khususnya membabitkan 17 bas MARA Liner Sdn Bhd yang diubah suai, ia dapat memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar.

Operasi PPV bergerak mengikut syarat ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM) dan operasinya sama seperti PPV sedia ada di seluruh negara. Ia merangkumi kaunter proses pengesahan, pendaftaran, konsultasi dan pemerhatian kepada penerima vaksin.

Setiap PPV bergerak turut disertai dua doktor dan jururawat dengan bekalan vaksin diperoleh daripada KKM.

Untuk meyakinkan 200,000 masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung menerima vaksin, KPLB memulakan pendekatan dengan memberi vaksin pelalian COVID-19 kepada Tok Batin selaku pemimpin masyarakat itu. Langkah ini berjaya menyuntik ke-



PPV bergerak bas MARA Liner dapat mempercepatkan lagi usaha kerajaan mencapai imuniti kelompok. (Foto hiasan)

yakinan dalam kalangan Orang Asli.

Menerusi PPV bergerak, proses vaksinasi dapat dipercepatkan kepada masyarakat luar bandar termasuk warga emas, Orang Asli, orang kurang upaya (OKU), gelandangan dan masyarakat yang mempunyai masalah pengangkutan.

Kemudahan ini penting untuk memastikan komuniti luar bandar memperoleh akses kepada vaksin COVID-19, sama seperti masyarakat bandar.

Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Henry Sum Agong, seramai 9,163 Orang Asli menerima suntikan dos pertama dan 1,882 sudah melengkapkan dos kedua di seluruh negara.

Ia satu peningkatan kesedaran dalam kalangan Orang Asli terhadap imunisasi dan jumlah ini semakin bertambah.

Dari segi operasi, setiap unit PPV bergerak bas MARA Liner mempunyai sembilan kaunter vaksinasi, termasuk satu untuk OKU. Ia dijangka mam-

pu mengendalikan pemberian vaksin manfaat kepada 1,200 penerima vaksin bagi tempoh 10 jam operasi.

Operasi PPV bergerak dilancarkan bermula 3 Jun membabitkan sembilan negeri. Kawasan terbabit juga termasuk Tenom dan Kinabatangan di Sabah, Gua Musang dan Pasir Puteh di Kelantan, Hilir Perak dan Kuala Kangsar di Perak.

Kewujudan PPV bergerak ini amat bersesuaian bukan sahaja kepada masyarakat luar bandar, tetapi juga kawasan masyarakat B40 yang mempunyai masalah pengangkutan untuk ke PPV utama.

Berpandukan bantuan Sistem Maklumat Geografi (GIS), lokasi penyebaran COVID-19 serta lokasi dan maklumat integrasi berkenaan kepadatan penduduk dan ciri fizikal kawasan dapat dikenal pasti.

Ia membolehkan PPV bergerak menuju ke kawasan sasar secara tepat untuk memberikan bantuan vaksin bagi meningkatkan imunisasi kepada penduduk terbabit.

22 July 2021

Penghantar barang, makanan wajar diberi keutamaan vaksinasi



Pensyarah Kanan
Jabatan Teknologi
dan Pengajian
Rantaian Bekalan,
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan,
Universiti
Teknologi MARA
(UiTM) Kampus
Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my

Sejak negara kita dilanda pandemik COVID-19, trend pembelian barangan dan pesanan makanan secara dalam talian berkembang pesat. Malah, ada isi rumah menerima kunjungan daripada penghantar barangan dan makanan secara purata dua hingga tiga kali sehari.

Kedua-dua pekerjaan ini adalah di bawah 17 sektor perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Namun, dalam kerancangan kita mengharapkan khidmat mereka menghantar barangan dan makanan, penghantar ini terdedah dengan risiko jangkitan tinggi ketika mereka sedang menunaikan amanah itu.

Tidak seperti petugas kesihatan sentiasa dilengkapi peralatan perlindungan peribadi (PPE), penghantar barangan dan makanan ini biasanya hanya dilengkapi pelitup muka ketika bertugas. Mereka juga golongan berisiko tinggi seperti pekerja industri lain.

Tidak hairanlah, ada luahan kebimbangan khalayak umum terhadap golongan penghantar ini. Ada segelintir berasa takut dan tidak selamat apabila berdepan penghantar ini ketika mengambil pesanan sekiranya golongan ini tidak lagi divaksin.

Lebih-lebih lagi sekiranya golongan ini membuat pengambilan dan penghantaran di kawasan berisiko tinggi termasuk di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Tinjauan lapangan mendapati kebanyakan mereka, khususnya penghantar makanan masih

belum lagi mendapat suntikan vaksin lengkap, bahkan ada masih belum mendapat tarikh janji temu vaksinasi suntikan pertama.

Boleh dikatakan hampir semua penghantar makanan bekerja dengan syarikat penghantar makanan ternama bukanlah pekerja tetap syarikat terbabit. Modus operandi syarikat ini adalah mendapatkan tenaga kerja secara sumber khalayak atau urun daya (*crowdsourcing*).

Justeru, adalah amat sukar bagi syarikat ini untuk membuat tempahan vaksinasi kelompok di bawah seliaan mereka kepada penghantar makanan ini.

Penghantar dalam dua sektor ini berdepan dengan risiko jangkitan bukan sahaja ketika berada di premis kerja atau restoran, bahkan ketika menghantar pesanan dan barangan di lokasi penerima. Dengan kemunculan varian lebih bahaya dan mudah tersebar melalui udara, keba-



rangkalian jangkitan mudah berlaku, khususnya ketika mereka berkumpul sesama sendiri.

Dalam konteks penghantar makanan bekerja mengikut waktu operasi sektor makanan dan minuman, dalam sehari, mereka selalunya akan berkumpul beberapa kali di tempat parkir berdekatan atau rider checkpoint sementara menunggu arahan mengambil pesanan.

Ketika ini, mereka akan menghabiskan masa bersama rakan penghantar. Ada ketika, ada terleka terhadap penjarakan fizikal dan mungkin lupa membersihkan serta mensanitisasi diri sebelum dan selepas melakukan penghantaran pesanan.

Risiko penyebaran dan jangkitan dalam kalangan mereka turut meningkat disebabkan penghantar terpaksa membuat penghantaran tambahan. Semuanya bagi mendapat pendapatan secukupnya bagi menampung kelangsungan hidup.

Dalam memenuhi permintaan pesanan harian tinggi oleh masyarakat awam khususnya di kawasan masih dikenakan PKP dan PKPD, adalah wajar untuk golongan ini diberikan keutamaan untuk mendapat vaksin secepat mungkin.

Justeru, pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) fasa keempat adalah waktu terbaik untuk memastikan mereka melengkapkan suntikan vaksinasi.

Kepentingan penghantar barangan dan makanan pada waktu sebegini tidak boleh dinafikan. Oleh itu, mereka perlu diberi keutamaan keselamatan seperti petugas barisan hadapan lain. Ini bukan sahaja menjamin kesihatan dan kesejahteraan mereka, bahkan memberi keyakinan kepada masyarakat awam.

Mereka juga wira tidak didandang, berhempas pulas menyumbang bakti, khususnya dalam memastikan ekonomi dalam kalangan rakyat tetap berjalan.

26 July 2021

Berkongsi rezeki dituntut Islam



*PERSPEKTIF

DR MARYAM
JAMEELAH
HASHIM



DR MOHD
RAHIM
KHAMIS

Pada tahun ini kerajaan telah memperkenalkan dua pakej rangsangan ekonomi iaitu Pemerksa dan Pemulih.

Salah satu intipati dalam Pemulih ada menyatakan kerajaan bersetuju memperuntukkan sebanyak RM300,000 kepada setiap ahli Parlimen, termasuk pembangkang bagi melaksanakan Bantuan Bakul Makanan kepada golongan terjejas di kawasan masing-masing.

Inisiatif ini adalah untuk membantu golongan yang terjejas dari segi keperluan asas demi kelangsungan kehidupan. Ini kerana memenuhi keperluan asas merupakan aspek penting dalam kehidupan yang merupakan tanggungjawab setiap individu yang berkeupayaan untuk memenuhinya.

Seandainya ada yang tidak berkeupayaan untuk memenuhinya maka ia menjadi tanggungjawab pemerintah untuk menyediakan.

Ini bertepatan dengan senario kini di mana ada golongan berada dalam kesusahan untuk memenuhi keperluan asas akibat kekangan kewangan kesan daripada pandemik Covid-19 seperti kehilangan pekerjaan, perniagaan tidak dapat dijalankan, pemotongan gaji dan sebagainya.

Situasi ini mengakibatkan mereka hilang punca pendapatan dalam sekelip mata. Makanya, mulalah mereka hilang kawalan diri sehinggakan cara mereka berfikir juga kurang rasional. Antara kesan krisis pandemik yang sangat ditakuti adalah peningkatan kejadian bunuh diri akibat hilang kawalan sendiri.

Kerjasama

Sebagai rakyat yang berdepan dengan situasi yang amat menyedihkan ini, kita perlu ada kesedaran sendiri. Kita tidak boleh hanya bergantung kepada pihak pemerintah semata-mata untuk memberi bantuan. Tidak perlu untuk menuding jari kepada orang lain sebaliknya kita perlu bekerjasama dalam membantu kerajaan menangani permasalahan sosioekonomi masyarakat. Jika kita tidak mampu untuk memberi bantuan secara wang ringgit maka hulurkanlah bantuan dalam bentuk barangan, penyebaran maklumat, tenaga dan sebagainya.

Kita boleh berkongsi rezeki melalui *food bank* yang telah dilaksanakan individu prihatin. Menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), program *food bank* merupakan satu inisiatif peduli rakyat

membantu golongan kurang berkemampuan mendapatkan makanan yang mana secara tidak langsung dapat meringankan kos sara hidup mereka.

Di samping itu, kempen kibar bendera putih juga merupakan satu pendekatan yang praktikal. Matlamat kempen ini jelas iaitu bagi membantu individu yang terkesan akibat pandemik Covid-19 namun malu menyatakannya secara terbuka. Selain itu, ia juga memupuk sifat peduli masyarakat agar peka dengan keadaan sekeliling.

Sifat berkongsi rezeki yang diamalkan oleh masyarakat di zaman mencabar ini dapat memberi banyak manfaat bukan sahaja kepada penerima tetapi juga kepada pemberi bantuan. Manfaat yang dicari bukan sahaja untuk kehidupan di dunia semata-mata malah di akhirat juga.

Firman ALLAH SWT bermaksud: *“Dan tiadalah sesuatu pun daripada makhluk yang bergerak di bumi melainkan ALLAH jugalah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat dalam kitab (Lauh Mahfuz) yang nyata (kepada malaikat yang berkenaan).”* Surah Hud: ayat 6.

Sehubungan itu, setiap daripada kita perlu yakin akan semua rezeki telah ditetapkan ALLAH SWT. Cumanya kita sebagai manusia harus sentiasa berusaha untuk mencari dan menambah rezeki dan bukan hanya menunggu rezeki datang bergolek.

Pendekatan berkongsi rezeki juga amat dituntut dalam Islam di mana ada dijelaskan dalam al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 245 yang bermaksud: *“Siapa yang memberi pinjaman kerana ALLAH, pinjaman yang baik (infaq dan sedekah), maka ALLAH akan melipat gandakan pembayaran kepadanya dengan lipatan yang banyak.”*

Ini menjelaskan bahawa setiap harta atau rezeki yang kita peroleh dan miliki pastinya ada bahagian untuk orang lain yang lebih memerlukan. Oleh itu, percayalah dengan berkongsi rezeki bukan akan memiskinkan kita malah ia akan membuatkan rezeki kita semakin bertambah.


Marilah kita sama-sama berganding bahu dalam memupuk sifat ambil peduli sesama kita. Buanglah sifat pentingkan diri sendiri yang selama ini menebal dalam diri kita. Inilah masanya untuk kita menunjukkan sedikit sifat keperihatinan sesama kita agar keseimbangan sosiekonomi terus terpelihara.

** Dr Maryam Jameelah Hashim ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Ekonomi dan Pengajian Kewangan Fakulti Pengurusan dan Pengurusan UiTM Puncak Alam*

** Dr Mohd Rahim Khamis ialah Ketua Unit Penyelidikan dan Pengurusan Maklumat Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) UiTM Shah Alam.*

26 July 2021

Strategi sesuai bantu perniagaan kekal berdaya tahan



Felo Kursi Institusi
Raja-Raja Melayu,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)

Oleh Dr Zahariah Sahudin
bhrencana@bh.com.my

Pandemik COVID-19 mencetuskan kejutan ekonomi hingga kebanyakan negara memberikan dana rangsangan untuk meningkatkan sektor perniagaan dan pekerja.

Malaysia antara negara terawal di Asia mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac tahun lalu. Antaranya, kawalan sempadan, penjarakan fizikal, penutupan premis sektor kerajaan dan swasta.

Wabak ini sangat memberi kesan terhadap perniagaan pengusaha mikro hingga menjejaskan keuntungan, bahkan ada mengalami kerugian. Sebahagiannya terpaksa menutup perniagaan akibat kerugian amat teruk.

Kesan wabak memberikan pengaruh signifikan terhadap operasi perusahaan mikro seperti masalah aliran tunai disebabkan kehilangan pendapatan harian, pembayaran pinjaman bulanan seperti sewa kedai dan tunggakan pinjaman modal daripada

bank, gangguan operasi dan rangkaian pengedaran serta pemberhentian kerja.

Antara masalah utama juga adalah mendapatkan bahan mentah yang kebanyakannya dibekalkan dari China dan bilangan pembekal terhad.

Bagi pengusaha mikro di luar bandar, mereka mempunyai rintangan lebih teruk berbanding di bandar dan wilayah maju. Ini disebabkan jarak jauh dari bandar terutama dari segi kemudahan infrastruktur terhad, kekurangan pekerja dan aktiviti perniagaan, rizab kewangan rendah serta sumber serba-serbi kurang.

Menurut kajian Kepercayaan Modal Global oleh Ernst & Young, 73 peratus menjangkakan wabak COVID-19 memberi kesan teruk kepada ekonomi global.

Kongres Perkhidmatan Penyelidikan pula menganggarkan masalah itu mengurangkan keseluruhan pertumbuhan ekonomi sebanyak 0.5 peratus hingga 1.5 peratus pada bulan awal pandemik.

Dalam krisis seperti ini, pengusaha mikro perlu menggunakan segala strategi dan pendekatan sesuai agar perniagaan akan terus bernafas, sekali gus dapat meraih keuntungan seperti sebelum wabak.

Namun, mereka perlu memantapkan lagi peran-

cangan dan pengurusan agar lebih berdaya saing, cekap dan menaikkan prestasi demi kepentingan perniagaan terbabit.

Sebilangan besar pengusaha mikro ditemu ramah menyatakan kesediaan menyesuaikan diri dengan norma baharu dengan mula mempromosikan produk secara dalam talian melalui media sosial.

Pada masa sama, pakej rangsangan ekonomi disediakan kerajaan diakui membantu mereka menjalankan perniagaan ketika krisis. Mereka juga menggunakan strategi alternatif lain seperti mengubah lokasi perniagaan dari kedai ke rumah.

Pemindahan ini dapat menjimatkan sewa kedai, selain boleh beroperasi dengan lebih lama berbanding waktu pejabat. Ini pemikiran analitis perniagaan kritikal baik agar usahawan mikro dapat bertahan ketika krisis.

Walau apapun kesan dihadapi, pengusaha mikro perlu tabah dan kuat mengharungi kehidupan ini. Kehidupan harus diteruskan kerana perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu dan memanfaatkan keadaan mengikut kelaziman ini untuk mengurangkan kesan pandemik COVID-19 terhadap perniagaan.

27 July 2021

Pengguna perlu buat semakan pilih peranti perubatan berdaftar



Pensyarah Kanan
Jabatan Teknologi
dan Pengajian
Rantaian Bekalan,
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Kampus Puncak
Alam

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sudah berterusan melebihi satu tahun dan kini memasuki fasa Pelan Pemulihan Negara.

Namun, masyarakat awam khususnya pengguna masih menghadapi masalah mendapatkan barangan keperluan harian mereka di kedai dan pusat beli-belah pilihan.

Justeru, norma baharu merangsang perubahan trend kepada pembelian barangan keperluan dalam talian, baik bekalan makanan mentah, pakaian, bahan bacaan, permainan kanak-kanak, malah peralatan sukan dan pertukangan rumah.

Terdapat juga pertambahan ketara dari segi permintaan dan pembelian terhadap peranti perubatan bagi tujuan pemeriksaan sendiri asas kesihatan.

Sejak jumlah kes positif COVID-19 menganas beberapa bulan ini serta kemunculan varian baharu wabak ini, timbul kesedaran dalam kalangan masyarakat awam untuk melakukan pemeriksaan sendiri asas kesihatan.

Ada antara mereka takut ke klinik kerana bimbang mendapat jangkitan jika keluar dari rumah. Keadaan ini mendorong mereka membuat pemeriksaan sendiri asas kesihatan terlebih dahulu di rumah dan hanya mereka mendapatkan rawatan di klinik apabila perlu sahaja.

Di kala melawati laman web platform e-dagang

untuk membeli barangan keperluan harian, mahupun melayari platform medial sosial, pengguna sering kali terserempak iklan mahupun catatan berkenaan penjualan peranti perubatan untuk pemeriksaan sendiri ini.

Contohnya termometer infra merah, oksimeter nadi, pengesan tekanan darah dan pengesan glukosa dalam darah. Semua peranti ini kini ditawarkan dalam saiz kecil, mudah alih dan mudah digunakan.

Namun harus diingat, di sebalik lambakan peranti perubatan ini, ada antaranya tidak menepati spesifikasi serta tidak berdaftar dengan badan pengiktirafan di negara kita.

Peranti perubatan tidak berdaftar secara rasmi



Orang ramai perlu memilih peranti kesihatan berdaftar bagi memastikan ketepatan bacaan.
(Foto hiasan)

tidak mempunyai jaminan kualiti dan keberkesanan yang menyeluruh. Bahkan, ada kemungkinan peranti perubatan ini tidak mematuhi spesifikasi keselamatan sepatutnya.

Hal ini boleh mendatangkan bahaya disebabkan kurang ketepatan bacaan serta silap bacaan diagnosis oleh pengguna.

Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), menyarankan kepada pengguna bahawa hanya peranti perubatan berdaftar di pangkalan data pihak berkuasa itu selamat dan tepat untuk digunakan.

Carian mengenai status pendaftaran peranti perubatan ini boleh disemak melalui laman web <https://mdar.mda.gov.my> sebelum pengguna membuat pembelian dalam talian bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan mereka.

Mengikut MDA, menjadi kesalahan di bawah Seksyen 5 Akta 737 untuk menjual peranti perubatan tidak berdaftar di negara kita. Jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM200,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya sekali.

Sekiranya pengguna membeli peranti perubatan tidak berdaftar, isu tanggungjawab dan tuntutan akan timbul sekiranya terdapat masalah penggunaan.

Tindakan susulan dan pembetulan terhadap peranti perubatan tidak berdaftar juga sukar dilaksanakan sekiranya syarikat pembekal atau pembuat peranti ini tidak didaftarkan.

Sebagai pengguna bijak, kita harus membuat semakan dan kajian pasaran menyeluruh terlebih dahulu terhadap peranti perubatan yang ada di pasaran sebelum membelinya.



THANK
YOU

to all news writers



**From: FBM Corporate
communication team**